

25 AUG 2002

Samy-Calon/I

MIC BELUM FIKIR MENGENAI CALON, KATA SAMY VELLU

SUNGAI SIPUT, 25 Ogos (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini berkata parti itu belum memikirkan lagi mengenai senarai calonnya bagi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata parti itu mempunyai ramai bakal calon yang berkaliber termasuk daripada golongan profesional seperti doktor dan peguam tetapi bilangan kerusi yang ada adalah terhad.

"Kita mempunyai ramai calon tetapi kita belum memutuskan siapa yang akan dipilih," katanya kepada pemberita selepas melancar kempen mengibarat Jalur Gemilang di sini.

MIC kini mempunyai tujuh kerusi Parlimen dan 14 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Ditanya sama ada MIC akan meminta tambahan kerusi ekoran cadangan persempadanan kawasan pilihan raya, beliau berkata perkara itu akan dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional apabila tiba masa yang sesuai.

Beliau berkata walaupun pilihan raya umum akan datang hanya perlu diadakan selewat-lewatnya penghujung tahun 2004, jentera pilihan raya MIC di semua peringkat telah bersiap-sedia.

Samy Vellu berkata beliau telah mengarahkan semua wakil rakyat parti itu supaya mengemukakan laporan mengenai cara mendapat sokongan pengundi dan mengenai masalah di kawasan masing-masing.

"Jentera kita akan bergerak dari ibu pejabat hingga ke cawangan. Semua wakil perlu memulakan persediaan dengan membentuk jawatankuasa di semua peti undi," katanya.

Samy Vellu berkata MIC juga telah memulakan persediaan untuk merampas semula kerusi DUN Lunas di Kedah yang dimenangi oleh Keadilan pada pilihan raya kecil dua tahun lepas.

"Saya akan melawat Lunas dua minggu sekali untuk berjumpa anggota Umno, MIC, MCA dan Gerakan. Kita akan mengenalpasti masalah di sana dan berusaha menyelesaikannya dengan segera," katanya.

-- BERNAMA

AR MOZ